

PEMIKIRAN PENDITA ZA'BA MENERUSI KARYA,
PERANGAI BERGANTUNG PADA DIRI SENDIRI:

(ANALISIS DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM)

WZ Kamaruddin bin Wan Ali, PhD

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Email: komaruddinwz@yahoo.com

Abstrak

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali Pendita Za'ba merupakan seorang tokoh terkenal dalam masyarakat Muslim Melayu di Malaysia. Karena beberapa cara pandang yang berbeda, sebagian menganggapnya sebagai sesat, sementara yang lain menghormatinya dan memandangnya sebagai pemikir dan agamawan berpengaruh. Artikel ini akan mendiskusikan pembangunan bangsa menurut sudut-pandang Za'ba dalam mengangkat integritas dan keunggulan masyarakat Muslim Melayu dalam lingkungan Islam dan bagaimana beliau melihat Muslim Melayu dengan perhatian khusus pada para pemikir dan agamawan [ulama] dan pemahaman-salah mereka terhadap Islam yang menjadi penyebab keruntuhan mereka. Pada dasarnya, diskusi ini akan berfokus terutama pada karya monumental beliau yang dikenal *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* diterbitkan pada 1982 dan akhir-akhir ini dicetak ulang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP] (Edisi Khusus) kerana keperluan bangsa.

Kata Kunci:

Melayu; Pemikiran Islam; Pemikiran Melayu; Za'ba

Abstract

Zainal Abidin bin Ahmad or popularly known as Pendita Za'ba is a well-known figure in Muslim Malay society in Malaysia. Due to many different way of thinking, some regards him as deviationist, while others respected him and considered him as an influential thinker and scholar. This article will discuss the nation building according to Za'ba viewpoint in uplifting the integrity and excellence of the Muslim Malay society within Islam and how he sees the Muslim Malay with special attention to their scholars and religious people [ulama] and their misunderstanding of Islam that causes their downfall. Basically, the discussion will mainly focus on his monumental book known as *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* published in 1982 and recently reprinted by Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP] (Special Edition) due to the needs of the nation.

Keywords:

Malay; Islamic Thought; Malay Thought; Za'ba

A. PENDAHULUAN

Pendita Za'ba (1313/1895 - 1393/1973),¹³¹ nama besar yang gagah dan tersohor dalam dunia Melayu, tokoh pemikir, agamawan, cendekiawan atau dengan kata-kata lain, pendita dan pujangga Melayu. Sumbangan besar beliau dapat dilihat dalam bidang Pemikiran khususnya berkaitan Islam sebagai agama, dan Melayu sebagai bangsa, ras dan etnik terbesar di Malaysia. Beliau mempunyai prinsip dan fundamental yang kuat dan mendalam dalam kehidupan beragama dan berbudaya dalam masyarakat Melayu.

Komentar dan kritikan beliau atas dasar Islam dan kepentingan bangsa Melayu adalah berprinsip, positif dan membina bagi suatu golongan minoriti yang rasional, dan sebaliknya dilihat keras dan mengancam bagi golongan majoriti. Walau apapun yang dikatakan, tujuan dan matlamat utamanya adalah jelas dan terang tanpa berselindung,¹³² iaitu demi membangun dan mengangkat agama, bangsa, negara, budaya dan pemikiran masyarakat Muslim Melayu di Malaysia dan di Alam Melayu ke tahap yang sewajarnya mereka berada dalam era globalisasi ini.

Seperti dijelaskan, diskusi artikel ini akan difokuskan kepada hasil penulisan beliau yang bersifat monumental bertajuk “Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri.”¹³³ Sebelum membincang dan mengulasnya secara terperinci, adalah wajar untuk memperkenalkan karya tersebut kepada masyarakat Malaysia untuk diketahui dan apatah lagi untuk dicintai.

Buku *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* merupakan salah sebuah hasil karya beliau yang utama. Ia dituliskan atas prinsip kesedaran dan kesediaan untuk mengubah masyarakat Muslim Melayu yang kelihatan lemah dan tidak berdaya saing berbanding bangsa-bangsa lain di dunia. Bagi mencapai matlamat tersebut, beliau telah mengusahakan penulisannya sekitar tahun-tahun 1930an dan tercatat dalam helaian dan lembaran kertas tetapi tidak pernah diajukan kepada mana-mana pihak untuk penerbitan. Ia hanya diterbitkan untuk tatapan umum oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1982, sekitar 9 tahun selepas beliau kembali ke rahmatu’Llah. Keadaan seperti ini mungkin tidaklah terlalu sukar difahami, kerana keadaan dan pemikiran masyarakat pada zaman tersebut belum cukup bersedia

¹³¹ Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., 1998), xi.

¹³² Za'ba, *Asohan budi menerusi Islam*, (Kuala Lumpur: H.M.E Enterprise, 1958), 38.

¹³³ Za'ba, *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*, edisi khusus, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009). (Edisi asal diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1982)

menerima kehadirannya, dan tahap kemampuan minda masih belum begitu tinggi terutama dalam kalangan Muslim Melayu itu sendiri.

Usaha DBP mendapatkan naskhah asal tulisan beliau dan menerbitkannya sewajarnya dialu-alukan. Selain menambahkan khazanah pemikiran Muslim Melayu, ia juga boleh dilihat sebagai pemangkin, penggerak dan pencetus anjakan dan lonjakan paradigma pemikiran Melayu untuk berdiri sebaris dengan bangsa-bangsa besar di dunia, sekiranya diterima dengan positif. Sebaliknya, sekiranya perbahasannya dilihat boleh menggugat minda Melayu yang tidak bersedia berubah, maka impaknya adalah negatif. Bagaimanapun, seperti lazimnya, apabila sesuatu masyarakat itu telah mencapai tahap pemikiran yang tinggi dan dapat melihat tokoh dan karya ini dari pelbagai perspektif dan dimensi, maka ia bakal disanjung, dihargai dan ditempatkan pada maqamnya yang terpuji.

Selanjutnya, kupasan dan perbahasan yang mendalam akan dilakukan terhadap kandungan dan hasil karya ini, dengan harapan ia akan menjadi cermin diri yang bakal melantunkan bayangan indah dan seterusnya memperlihatkan susuk tubuhnya yang perkasa mahupun sebaliknya, yang ingin dilihat oleh masyarakat Muslim Melayu akan perihal diri mereka sendiri.

Buku ini dalam bentuk edisi khas mengandungi 142 halaman, dicetak dalam tiga versi, Melayu, Inggeris dan Jawi. Ia telah diberikan pengenalan oleh Prof. Datuk Dr. Asmah Haji Omar dengan cara yang menarik bahkan juga mendalam. Secara umumnya, perbahasan dalam buku ini boleh dibahagikan berdasarkan dua buah risalah, Kedua dan Ketiga hasil tulisan tangan oleh Pendita Za'ba sendiri. Setiap risalah pula dipecahkan kepada empat bab dengan pemilihan sub-topik tertentu yang sangat relevan dengan konteks perbincangan yang dihasratkannya.

B. HASIL DAN PEMBAHASAN

Karya Za'ba *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* merupakan salah sebuah buku utama hasil pemikiran dan pemerhatian beliau yang amat mendalam tentang Islam sebagai *al-Din* [*a way of life*] dan hubungannya dengan Melayu sebagai suatu bangsa [*sya'b* atau *qabilah*]. Berikut adalah analisis terhadap karya beliau menerusi dua buah risalah, Risalah Kedua, *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri* dan Risalah Ketiga, *Kebajikan dan Kejahatan*:

1. Risalah kedua: Perangai Bergantung pada Diri Sendiri

a) Bab Pertama: Wajibnya bagi mendapat kejayaan:

Pembicaraan Za'ba adalah mengenai konsep pergantungan kepada diri sendiri dalam semua aspek yang dijadikan topik perbincangan utama dengan semua aspek kehidupan dan kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan seseorang dan sesuatu bangsa mana sekalipun di dunia ini [teristimewa Melayu yang menjadi fokus Za'ba dalam karyanya ini] mempunyai kaitan dan hubungan dengan pernyataan ini. Penekanan Za'ba kepada 'amal (perbuatan termasuk perangai) begitu besar, selaras dengan kedudukannya sebagai salah satu aspek utama dalam konsep "Iman",¹³⁴ selain daripada *tasdiq*

¹³⁴ Konsep Iman merupakan salah satu isu utama yang dibahaskan pada zaman awal perkembangan pemikiran Islam khususnya di antara al-Murji'ah dan al-Khawarij terutama kerana ia melibatkan peperangan saudara sesama muslim dan sesama "sahabat" kepada Nabi Muhammad (s.a.w) yang terawal iaitu Perang al-Jamal. Dalam perbahasan para ulama, persoalan yang turut dibahaskan adalah mengenai "perbuatan, kerja" [*af'al*]. Sebahagian menganggap ia adalah salah satu daripada tiga komponen utama daripada konsep Iman, manakala sebahagian yang lain [terutama al-Murji'ah, termasuklah Abu Hanifah al-Nu'man] menolaknya. Penolakan "perbuatan" [*af'al*] sebagai bahagian daripada konsep Iman dikatakan bertujuan untuk menyelamatkan "sahabat" daripada tuduhan membunuh sesama mereka yang boleh memberikan impak dan

(pengakuan) dan *iqrar* (perkataan).¹³⁵ Justeru, dalam pembicaraan mengenai "kerja" seperti dikemukakan dalam al-Qur'an, Za'ba melihatnya sebagai merujuk kepada kerja atau perbuatan sendiri dan bukan kerja atau perbuatan orang lain, bahkan istilah "Iman" juga dilihat dengan cara tersebut merujuk kepada beriman sendiri, dan bukan beriman disebabkan orang lain.

Menurutnya, setiap manusia menanggung kewajiban dan pertanggungjawaban [*al-taklif*] sendiri,¹³⁶ bukan menanggung dan ditanggung orang lain. Contoh terbaik yang dikemukakan Za'ba adalah Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai "role-model" terbaik dalam segala aspek kehidupan, duniawi mahupun ukhrawinya. Perangai bergantung kepada diri sendiri dianggap akar umbi kejayaan, ketinggian dan kemajuan diri dan ummah. Menurut Za'ba, meminta nasihat dan petunjuk daripada orang

implikasi yang amat besar kepada kedudukan keimanan mereka dalam Islam. Sehingga hari ini, kesannya kepada masyarakat Muslim Melayu adalah ketara kerana mereka, seperti juga pemikiran al-Murji'ah tidak begitu memberikan penekanan kepada aspek "perbuatan." (Lihat: Al-Baghdadi, *al-Farq Bayn al-Firaq*, (Beirut, 1973), 123; Harun Nasution, *Teologi Islam*, (Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, t.t.), 26)

¹³⁵ Lutpi Ibrahim, "The Concept of al-Iman in 'Ilm al-Kalam," in *Islamika III*, (Kuala Lumpur: Department of Islamic Studies, 1985), 109-115.

¹³⁶ Wan Z. Kamaruddin Wan Ali, "Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (*al-Taklif*) Dalam Pemikiran Islam dan Posisinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim," dalam *Jurnal Ushuluddin*, (Pekanbaru: Badan Penelitian dan Pengembangan Fakultas Ushuluddin UIN Sulthan Syarif Qasim, Vol.XIII, No.2, Julai 2008), 124-132.

lain tidak salah dan bukanlah suatu sifat kekurangan. Diri individu yang membentuk bangsa menjadi penentu naik-turun sesuatu bangsa. Alasan ketidakbergantungan kepada diri sendiri berlaku adalah kerana kelemahan kepercayaan akan kebolehan diri dan bahkan merendahkan darjat diri sendiri.

Diri individu tanpa mengira peranan dan kedudukan seseorang menjadi contoh teladan kepada yang lain. Justeru, setiap orang dengan peranan masing-masing perlu mendidik anak bangsa berdikari dalam semua perkara termasuk ibadat untuk dunia dan akhirat, tidak mengharap doa, fidyah penebus, sedekah tahlil, karamah wali dan bahkan syafaat Nabi Muhammad (s.a.w). Syafaat Nabi Muhammad (s.a.w) dibahaskan tetapi ia adalah untuk orang yang berusaha tetapi tidak berhasil dan bukannya kepada orang yang tidak atau malas berusaha kecuali hanya mengharap syafaat Nabi Muhammad (s.a.w) yang diibaratkan seperti “kutu di atas kepala”. Nabi Muhammad (s.a.w) dikatakan malu akan umatnya yang mengharap syafaat baginda (s.a.w) tanpa usaha, bahkan iktikad mengharap kelepasan dan keselamatan akhirat dengan penebusan dan pertolongan daripada orang lain dianggap sama seperti orang Kristian. Realitinya, orang Kristian sendiri dikatakan tidak mengikuti ajaran ini tetapi berpegang kepada usaha dan ikhtiar sendiri.

Ringkasnya, Islam mengatakan

setiap diri bertanggungjawab atas dirinya masing-masing di dunia dan akhirat, menerusi usaha sendiri dan bukan usaha orang lain.

b) Bab Kedua: Kekurangan Kita Dalam Sifat Ini:

Za’ba berpandangan Muslim, khususnya bangsa Melayu kurang mempunyai sifat kuat berusaha, bahkan banyak bergantung kepada orang lain. Beliau mengemukakan perbandingan Melayu dengan bangsa lain, muslim dengan bukan muslim, sebagai contoh dalam bidang perniagaan yang memperlihatkan majoriti Muslim Melayu berperangai demikian, manakala minoriti sebaliknya.

Menurut Za’ba, Muslim Melayu perlu berubah atau melakukan anjakan paradigma sebelum Allah mengubah mereka, dan bukan pula sebaliknya. Sekiranya setiap diri berusaha dan berjaya, maka bangsa tersebut akan maju. Majoriti diri dan bangsa yang berjaya bukanlah dengan nasib atau pertolongan orang lain tetapi diri sendiri, menerusi usaha yang dilakukan dari bawah ke atas.

Perangai kuat bergantung kepada diri sendiri boleh dilakukan menerusi beberapa cara seperti mencontohi seseorang yang berjaya mengharungi segala halangan, menjadikan diri Rasulullah (s.a.w) sebagai contoh teladan yang sempurna, melakukan observasi terhadap kanak-kanak yang bergantung kepada kebolehan diri

sendiri, jatuh dan bangun dengan kesanggupan menanggung segalanya tanpa pertolongan. Sifat pergantungan kepada diri pada diri kanak-kanak perlu dipupuk, dilatih dan ditanamkan hingga dewasa, manakala bagi dewasa, ia perlu dihidupkan dan dipulihkan kembali kerana manfaatnya untuk kemajuan adalah besar.¹³⁷

c) Bab Ketiga: Fikiran, Kepercayaan dan Pegangan Agama:

Sifat bergantung kepada diri sendiri dilihat penting dalam semua aspek termasuk fikiran, kepercayaan dan fahaman agama. Beliau menghendaki diri seseorang menggunakan akal, ilmu, tidak boleh bertaklid buta terutama kebiasaan daripada nenek-moyang terdahulu [fahaman konservatif dan ortodoks]. Beliau sangat kuat menentang budaya taklid buta.

¹³⁷ Persoalan ini juga turut dibahaskan antara al-Jabariyyah dan al-Qadariyyah. Al-Jabariyyah lazimnya menyerahkan segala urusan kepada Allah (s.w.t) dan melepaskan tanggungjawab terhadap sesuatu perbuatan daripada diri manusia, manakala al-Qadariyyah pula meletakkan tanggungjawab kepada manusia itu sendiri dalam pemilihan dan pertanggungjawaban sesuatu perbuatan. Sekiranya dilakukan perbandingan pendapat, kelihatan pendapat Za'ba selari dengan pendapat al-Qadariyyah, al-Mu'tazilah dan bahkan golongan rasionalis umumnya. Lihat Wan Z. Kamaruddin Wan Ali, "Aliran al-Qadariyyah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya di Alam Melayu khususnya di Malaysia," dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Jilid 12, 2002), 49-76.

Selain itu, kritikan terhadap para imam mujtahidin juga turut dikemukakan kerana menurutnya, mereka bukanlah maksum dan bukan pula nabi. Justeru, pendapat mereka boleh salah. Bertaklid memang ditentang namun dalam menerima sesuatu perkhbaran dan ilmu yang seseorang itu tidak mempunyai keahlian, kepakaran dan kemahiran diperbolehkan. Dengan kata-kata lain, taklid ada dua iaitu taklid dengan ilmu dan taklid tanpa ilmu, dan sasaran utama beliau adalah kepada taklid tanpa ilmu.¹³⁸

Beliau berpendapat ulama besar dalam Islam memahami sumber al-Qur'an, al-Hadith sebagai asas ilmu dan mempergunakan akal mereka dengan cara yang terbaik dalam semua bidang, usuluddin, fiqh, tasawuf, hadith, falsafah dan lain-lain. Isu perbezaan pendapat pendapat dalam kalangan mazhab dalam Islam adalah hasil pemikiran masing-masing yang dianggap benar.

Beliau memberikan penekanan yang besar kepada akal, peranan dan

¹³⁸ Budaya taqlid tanpa ilmu juga mempunyai rentetan dan rantaian dengan sejarah perkembangan pemikiran Islam yang terganggu sebagai akibat dan kesan langsung daripada penutupan pintu ijtihad oleh para ulama pada zaman kemalapan dunia Islam selepas serangan Mongol tahun 656/1258. Lihat Wan Z. Kamaruddin Wan Ali, *Siapa itu Nabi-Nabi*, (Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd., Cet.IV, 2007),152-162; Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, (Jakarta: Gema Insani Press, 1997), 17.

kepentingannya bertujuan untuk menguji dan menimbang menerusi neraca keilmuan. Ringkasnya, akal bergantung kepada ilmu dan ilmu merupakan sumber kekuatan akal itu sendiri.

Konsep ilmu dalam setiap bidang, agama mahupun bukan agama diberikan penjelasan dengan katanya, bagi yang berilmu, mereka perlu menguji, menambah dan bahkan memperdalamkannya manakala bagi yang tiada ilmu, perlu berusaha bersungguh-sungguh memahami, mendalami, mencari dan menuntut ilmu, dan tidak mengikuti hawa [*al-hawa*] tetapi sebaliknya mengikuti akal [*al-'aql*].

d) Bab keempat: Bersendiri pada ilmu dan amalan:

Penjelasan tentang Ilmu dan kepentingannya untuk perubahan daripada keburukan kepada kebaikan turut dibahaskan. Menurut Za'ba, kepentingan ilmu bertujuan memperbaiki fikiran kuno dan kolot kepada segar dan hidup; adat kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan kepada pemulihan dan pembaharuan.

Asas ujian [metode] adalah berdasarkan al-Qur'an, akal dan ilmu. Pencapaian sesuatu ilmu adalah dengan tanpa adanya halangan. Justeru, beliau menentang seseorang yang berpendapat, "ilmu manusia sentiasa semakin kurang daripada orang dahulu-

dahulunya! Ataupun "tiada siapa "biji matanya" (yakni orangnya) yang akan boleh sampai sama alimnya seperti imam-imam."

Dengan kata-kata lain, pencarian ilmu tidak pernah berakhir dan perlu sentiasa baru dan segar. Setiap zaman menghendaki ilmu baru bersesuaian dengan perubahan zaman, dan bertepatan dengan kedudukan Islam yang dikatakan "layak untuk semua zaman."

Za'ba turut mengkritik orang yang khuatir dan bimbang akan kebinasaan Islam akibat perbezaan pendapat. Bagi Za'ba, sumber Islam, al-Qur'an adalah satu. Selagi pemikiran berasaskan sumber tersebut ia dibenarkan, kecuali sekiranya al-Qur'an digantikan dengan kitab lain. Perbezaan pendapat hanyalah untuk meluaskan pemikiran dan bukan sebaliknya. Za'ba mencadangkan seseorang muslim menguasai bahasa al-Qur'an [Bahasa Arab], bidang-bidang pengajian dan penyelidikan ilmu, kemampuan akal dan ijtihad supaya boleh dikatakan "bergantung kepada diri sendiri." Baginya, pergantungan kepada diri sendiri membolehkan seseorang beramal ibadat kepada Allah dengan sebenarnya, melakukan amal ibadat dan bertanggungjawab terhadap amal ibadat kepada Allah. Bagi orang awam, mereka tidak perlu bergantung kepada orang lain dalam urusan agama dan selainnya, dan bahkan mereka sendiri perlu belajar bahasa al-Qur'an dan al-

Hadith sehingga boleh mempelajarinya sendiri.

Bagi orang alim, mereka tidak dibenarkan bertaklid dalam agama dan hukum kepada orang terdahulu, sebaliknya perlu terus kembali kepada al-Qur'an dan al-Hadith sendiri.

Bagi orang Islam, mereka tidak perlu bertaklid kepada fikiran, pendapat dan fahaman orang lain, dan bahkan dianjurkan menguasai bahasa al-Qur'an dan sumber Islam, dan berusaha memahami sesuatu terus kepada sumber asalnya dengan betul, manakala bagi orang yang mencapai tahap "alim" terus memperdalam ilmu, melakukan penyelidikan, membuktikan kesahihan data dan fakta daripada sumber asalnya. Setiap orang Islam, khususnya "alim" tidak boleh berpuashati dengan bertaklid dalam semua perkara agama, bahkan perlu mempertimbangkannya dari segala aspek supaya "ilmu Islam tidak membeku kaku."

Ringkasnya, mereka perlu bergantung kepada usaha dan ikhtiar sendiri dalam urusan dunia dan akhirat.

2. Risalah Ketiga:

Kebajikan dan Kejahatan

a) Bab pertama: Fahaman yang luas

Persoalan baik dan jahat perlu difahami tahap, kedudukan dan tingkatannya secara benar. Sebagai contoh "Baik" adalah adil [terutama

adil kepada Allah],¹³⁹ ihsan dan berbuat baik sebagai "*ita'i dhi'l-qurba*" [memberi kepada mereka yang mempunyai hubungan kekerabatan dan pertalian darah]. Begitulah juga dengan kejahatan. Latihan dan didikan untuk mencapai akhlak yang baik perlu melalui enam tahap, "kerjakan yang baik [3 tahap] dan jauhi yang munkar [3 tahap]." Contoh kebaikan, antaranya "mencari akhirat menerusi dunia." Selain itu, "jauhi kejahatan" juga adalah kebaikan. Konsep "iman dan taat" dan "kufur dan maksiat" boleh menjadi penyelamat manusia dunia dan akhirat.

Dalam konteks ini, sekali lagi contoh terbaik yang dikemukakan Za'ba untuk diikuti ialah Nabi Muhammad (s.a.w).

b) Bab kedua – Baik dan jahat tetap ada:

Persoalan baik dan jahat tetap ada dalam semua persoalan, hati [akal dan hawa], jasmani dan ruhani, zahir dan batin. Ia perlu dilihat dari perspektif Allah [*li'Llahi Ta'ala*] sebagaimana yang dikehendaki-Nya, dan bukan dari perspektif manusia mengikut kehendak manusia. Pemahaman yang baik dalam permasalahan ini dikatakan boleh mengangkat manusia dan agama kepada kebenaran yang hakiki. Contoh kebajikan adalah sedekah yang

¹³⁹ Ahmad Zuhdi Ismail, *Imam Ja'far al-Sadiq: Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Cet.II, 2008, [Bab Keadilan Tuhan]), 79-116.

dilakukan kerana Allah manakala sedekah kerana manusia pula tidak dianggap sebagai kebajikan. Contoh kejahatan pula adalah penjjahan [yang ditakdirkan daripada Allah] bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada manusia, manakala [daripada manusia pula] adalah disebabkan kelemahan manusia itu sendiri.

Menurut Za'ba, kemajuan dan kemunduran budi pekerti manusia terletak kepada usaha mencuba atau tiada mencuba berbuat baik atau jahat.

c) Bab Ketiga – Fahaman yang sempit:

Bagi Za'ba, berbuat baik untuk faedah dan kepentingan diri sendiri adalah suatu pandangan yang sempit atau disempitkan. Beliau mengkritik seseorang yang melihat baik dan jahat dari segi zahir semata-mata, tanpa melihat segi batin atau falsafahnya. Contoh: sembahyang [Salat] dari segi zahir dilihat kepada bilangan rakaat, cukup syarat dan lain-lain, tetapi kesan dan impak salat terhadap diri seseorang tidak diberikan perhatian. Contoh yang lain pula, seseorang berbuat baik semata-mata untuk mendapat pahala dengan syurga menjadi matlamat akhir. Begitu juga dengan jahat dan dosa yang dilihat tidak lebih seumpama budaya tukar barang “*barter-trade*” yang lebih menekankan aspek materialistik. Keadaan ini menyebabkan mutu dan nilai Islam bertaraf rendah. Dengan kata-kata lain, mereka diajari sikap dan

sifat mementingkan diri sendiri semata-mata.

Beliau juga mengkritik seseorang yang melihat “ilmu” secara sempit, terutama menerusi guru agama atau “orang alim” yang tidak berpelajaran. Kritikan juga dihadapkan kepada seseorang yang melihat “Islam” dalam konteks agama, ibadat ataupun konteks ukhrawi semata-mata, tanpa konteks duniawi.

Tidak terkecuali daripada kritikan beliau adalah terhadap sebahagian orang alim yang menulis kitab bermatlamat “*al-ajra wa al-thawab*” sebagai upah penat menulis untuk dirinya semata-mata, dan bukan untuk kepentingan umum. Demikianlah juga dengan orang yang berbuat baik untuk keselamatan dirinya sahaja, tidak benar-benar ikhlas kepada Allah dan semua. Bukan itu sahaja, bahkan beliau turut mengkritik fahaman orang Melayu yang terpesong daripada ajaran Islam sebenarnya. Contoh: Dikatakan “amal ibadat” yang diamalkan lebih menekankan aspek kuantiti seperti bilangan wirid, zikir dan sebagainya, tanpa menekankan aspek kualitinya.

d) Bab keempat -- Kejatuhan umat Islam dan jalan kepulihannya

Za'ba berbicara tentang kegemilangan dunia Islam, merujuk kepada abad ke-3/9 hingga ke-6/12 kemudian merosot hingga kini. Istilah atau terminologi ‘*izzah*’ digunakan

untuk kebesaran dan kemuliaan. Dalam konteks ini, beliau mempersoalkan di manakah perbuatan Allah [*af'al Allah*]¹⁴⁰ dan di mana pula perbuatan manusia [muslim] [*af'al al-'ibad*] dalam proses kegemilangan dan kemerosotan ini?

Pada pandangan Za'ba, kegemilangan dan bahkan kemerosotan adalah disebabkan perbuatan manusia itu sendiri, dan bukanlah perbuatan Allah, dan tiada kaitan dengan Allah sama sekali. Kemerosotan disebabkan salah faham mereka tentang dunia dan salah erti tentang matlamat hukum dan ketetapan Allah dalam Islam.

Beliau mengkritik istilah atau terminologi “Iman” atau “percaya” yang dianuti dengan cara yang salah. Lazim diketahui, kata-kata atau perkataan Allah tidak diimani dan dipercayai manusia, sebaliknya kata-kata atau perkataan manusia seperti tabib, bomoh dan lain-lain pula yang lebih dipercayai, diperkatakan dan bahkan diamalkan. Konsep “Iman” dalam Islam mengandungi 3 elemen: *tasdiq* [*bi'l-qalb*], *iqrar* [*bi'l-lisan*] dan *'amal* [*bi'l-jawarih*]. Apa yang berlaku, *tasdiq* [pengakuan dengan hati] dan *iqrar* [pengucapan dengan perkataan] sahaja yang lazim diterima, sedangkan

'amal [perbuatan], menurut Za'ba ditiadakan atau bahkan diketepikan.

Menurut Za'ba, *'amal* [perbuatan] penting untuk memperbetulkan kesalahan dan memperbaharui pemahaman. Contoh: *'Amal* golongan Muslim secara umum dan bangsa Melayu secara khusus yang tidak menepati kehendak Islam, atau dengan kata-kata lain, kehendak Allah (s.w.t) menyebabkan mereka berada dalam keadaan seperti hari ini, lemah dan bergantung kepada orang lain. *'Amal* juga diperlukan untuk memperbaharui pemahaman akan kebenaran.

Dari pandangan Za'ba, Islam berdasarkan pengakuan Allah sendiri menerusi Kalam-Nya, al-Qur'an memang mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk menghadapi perubahan zaman dan keadaan. Justeru, Za'ba mengesyorkan seseorang muslim “balik ke pangkal jalan” atau diistilahkan sebagai “taubat” yang sebenarnya, meliputi taubat dalam fikiran, kepercayaan, keperangaian dan amalan, bertujuan menampal kerosakan aspek ukhrawi dan duniawi.

3. Analisis Pemikiran Za'ba

1. Za'ba dari pelbagai aspek boleh dilihat sebagai seorang tokoh rasionalis berbanding reformis walaupun beliau dikelompokkan dalam kalangan Kaum Muda, pendokong reformasi atau pembaharuan [*Islah dan Tajdid*].

¹⁴⁰ Wan Z.Kamaruddin Wan Ali, “Konsep Perbuatan Allah (*Af'al Allah*) Dalam Pemikiran Islam, pengaruh dan kesannya kepada pemikiran umat Islam di Malaysia,” dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2004).

2. Komentor, kritikan dan kupasan beliau yang amat mendalam menggambarkan keupayaan minda, kedalaman ilmu dan ketinggian spiritual dengan semangat jihad dan keberanian untuk merombak pola kepercayaan, pemikiran dan tindakan diri dan bangsa Melayu yang mengikuti *al-Din* [*way of life*] Islam secara khusus.
3. Kritikan beliau adalah sebagai respons dan tindakbalas terhadap peranan cendekiawan dan ulama Melayu yang dilihat melemahkan dan melonglaikan diri, bangsa, agama dan negara.
4. Penekanan beliau adalah kepada akar umbi atau falsafah yang dilihat dari aspek zahir semata-mata oleh para cendekiawan dan alim ulama manakala aspek batin ditolak ketepi. Impaknya yang paling berpengaruh besar adalah kekuatan Muslim Melayu hanyalah kelihatan pada aspek zahir sahaja, sedangkan aspek batin mereka lemah.
5. Dalam membincangkan karya ini, beliau mengasaskan pemikirannya berdasarkan sumber wahyu, al-Qur'an dan al-Hadith yang dirasionalkan menerusi sumber akal, metode berfikir yang dinamik dan pelbagai. Akal yang dimaksudkan adalah berteraskan ilmu wahyu yang diperkukuhkan dengan kajian dan penyelidikan dalam pelbagai bidang pengajian terkini, dan bukanlah akal yang dipengaruhi emosi dan hawa [*al-hawa*]. Akal [*al-'Aql*] yang bebas dan hawa [*al-hawa*] yang terpenjara menjadikan hati [*al-qalb*] selaku raja dalam diri, dapat mengubah diri seseorang dan bangsanya ke tahap ketaqwaan yang sempurna. Pembahasan terhadap ciri-ciri ini menjadi faktor teristimewa membezakan beliau daripada Kaum Muda dan tokoh-tokoh sezamannya.
6. Penekanan kepada akal dan budaya berfikir bererti penolakan kepada budaya taklid terutama taklid buta. Ini kerana asas taklid buta itu sendiri adalah kepada kejahilan [*al-jahl*] dan mengikuti hawa [*al-hawa*]. Faktor ini dilihat sebagai penentu kestaitikan dan kejumudan sesuatu bangsa.
7. Atas asas, dasar dan prinsip yang bersifat fundamental ini, perbincangan Za'ba telah menjadikan kayu ukur dan piawaian standard kegemilangan mahupun kemalapan seseorang, bangsa, agama dan sebagainya.
8. Kritikan yang berat dan berimpak dilontarkan oleh Za'ba terhadap ahli agama, alim [ulama], tuan guru yang merupakan sasarannya yang utama. Ia tertumpu kepada metode pengajaran yang dilihat berlawanan dengan kehendak Islam, ketinggalan zaman, tidak

berkesan dan terfokus hanya kepada orang awam [*'awwam*] semata-mata dan tidak meliputi golongan terpelajaran [*khawwas*]. Ia juga melibatkan pelbagai aspek seperti persoalan wahyu dan hubungannya dengan akal, sumber ilmu, metode berfikir, idea dan inovasi dan pelbagai lagi.

9. Dalam konteks idea, Za'ba melihat idea yang berlegar dalam masyarakat Melayu adalah lapuk, berbentuk zahir, statik, jumud, sempit, penuh salah faham dan berada pada tahap pergantungan yang keterlaluan kepada sesuatu yang lain. Idea yang baru, bernas, dinamik, luas dan bebas terlalu sedikit dan tidak diberikan ruang dan peluang untuk menjadi pemangkin perubahan masyarakat.
10. Sebahagian besarnya bergantung kepada peranan ahli agama, ulama, umara Melayu dan seumpamanya yang tidak mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi, tidak mengikuti peredaran zaman dan masa dan terlalu cepat melatah. Serangan beliau juga turut dihadapakan kepada ahli-ahli tasawuf separuh masak, berpura-pura zahid dan golongan yang suka menyesatkan orang yang ingin kembali kepada al-Qur'an dan al-Hadith yang terpelihara dari salah dan silap [*ma'sum*], mendekati akal yang rasional dan menjauhi hawa [*nafsu*] tanpa rasional.

C. SIMPULAN

Za'ba selaku seorang tokoh yang berjiwa besar dan bebas tetapi masih dalam kerangka Islam, coba berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melepaskan agama dan bangsanya daripada proses penjajahan diri kepada pembebasan diri. Menerusi pembebasan diri ini, diharapkan diri dan bangsanya akan kembali memacu kecemerlangan dan kegemilangan seperti yang pernah dikecapi dahulu.

Proses perubahan daripada rendah kepada tinggi, bawah ke atas, bukanlah suatu usaha yang mudah. Ia memerlukan kekuatan dalaman yang ampuh, mental dan spiritual sebelum berhasil. Dalam proses tersebut, ranjau dan duri berada di setiap laluan dan persimpangan yang sekiranya dihadapi tanpa sikap dan tindakan yang tepat akan membahayakan diri.

Justru karya beliau, *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* merupakan sebuah karya yang sepatutnya dan sewajarnya dibaca oleh setiap orang yang mendakwa diri mereka Muslim yang berbangsa, berbudaya dan berbahasa Melayu di Malaysia khususnya dan di Alam Melayu umumnya untuk dijadikan cermin diri, dan seterusnya melakukan suatu evolusi dan bahkan revolusi dalam diri sendiri untuk mencapai hakikat dirinya sebagai hamba dan Khalifah Allah yang sebenar di bumi. Itulah besarnya jasa Pendita Za'ba.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah, Abdul Rahman Haji. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press, 1997.
- Al-Baghdadi. *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut, 1973.
- Ibrahim, Lutpi. "The Concept of al-Iman in 'Ilm al-Kalam". *Islamika III*. Kuala Lumpur: Department of Islamic Studies, 1985.
- Ismail, Ahmad Zuhdi. *Imam Ja 'far al-Sadiq: Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Cet.II, 2008.
- Nawang, Adnan Hj.. *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., 1998.
- Nasution, Harun. *Teologi Islam*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, t.t..
- Wan Z. Kamaruddin Wan Ali. "Aliran al-Qadariyyah: Perkembangan, Pengaruh dan Kesannya di Alam Melayu khususnya di Malaysia." *Jurnal Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Jilid 12, 2002.
- _____. "Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (*al-Taklif*) Dalam Pemikiran Islam dan Posisinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim." *Jurnal Ushuluddin*. Pekanbaru: Badan Penelitian dan Pengembangan Fakultas Ushuluddin UIN Sulthan Syarif Qasim, Vol.XIII, No.2, Julai 2008.
- _____. "Konsep Perbuatan Allah (*Af'al Allah*) Dalam Pemikiran Islam, pengaruh dan kesannya kepada pemikiran umat Islam di Malaysia." *Jurnal Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2004.
- _____. *Siapa itu Nabi-Nabi*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn.Bhd., Cet.IV, 2007.
- Za'ba. *Asohan budi menerusi Islam*. Kuala Lumpur: H.M.E Enterprise, 1958.
- _____. *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. edisi khusus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- _____. *Falsafah takdir*. Kuala Lumpur: D.B.P, 1980.
- _____. *Umbi kemajuan atau Falsafah takdir dalam Agama Islam*. Sukatan Azali: Pulau Pinang, 1932.
- _____. *Malay festivals and some aspects of Malay Religious Life*. Singapore, 1949.
- _____. *Pendapatan perbahasan ulama pada kejadian perbuatan dan perusahaan hamba*. ed. al-Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din. Penang: The Jelutong Press, 1353/1934.

